

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : IR. SHAHARUDIN BIN ISMAIL [KANGAR]

TARIKH : 10 JUN 2014 (SELASA)

SOALAN :

Ir. Shaharudin bin Ismail [Kangar] minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan mekanisme pelan tindakan dan persediaan Kementerian bagi membantu mangsa-mangsa bencana alam khususnya masyarakat luar bandar seperti golongan petani dan nelayan yang tidak mempunyai pendapatan tetap dalam konteks bantuan daripada sudut kewangan dan juga psikologi.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Prosedur dan mekanisme persediaan dan tindakan agensi-agensi kerajaan termasuk Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) bagi membantu mangsa bencana adalah termaktud dalam Arahan Majlis Keselamatan Negara (MKN) No. 20 (Semakan Semula): Dasar dan Mekanisme Pengurusan Bencana Negara. Secara amnya, tanggungjawab Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) meliputi empat perkara berikut:

- (i) menyediakan dan menyelenggarakan pusat-pusat pemindahan mangsa-mangsa bencana;
- (ii) menyediakan dan mengedarkan bantuan makanan, pakaian dan lain-lain keperluan asas kepada mangsa-mangsa bencana;
- (iii) menjalankan pendaftaran mangsa-mangsa bencana bagi maksud pemulihan; dan

(iv) memberi bimbingan, nasihat / kaunseling kepada mangsa-mangsa bencana.

Bagi mangsa bencana alam khususnya masyarakat luar bandar seperti golongan petani dan nelayan yang tidak mempunyai pendapat tetap, pihak kerajaan menyediakan bantuan membaiki kerosakan rumah dan harta benda. Kadar bantuan ini adalah tertakluk kepada Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah (JPBD) atau Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri (JPBN).

Selain itu, KPWKM menyediakan seramai 183 orang Pegawai Psikologi di Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), 2 orang Pegawai Psikologi di Jabatan Pembangunan Wanita (JPW), 16 orang Pegawai Psikologi di Lembaga Pembangunan Penduduk Keluarga Negara (LPPKN), serta 51 orang Panel Kaunselor di bawah penyelarasan LPPKN untuk membantu apabila berlaku kes-kes traumatik bagi mengembalikan semangat dari aspek emosi, fizikal, mental dan spiritual mangsa bencana agar mereka dapat menangani tekanan yang dialami, menerima realiti dan akhirnya kembali stabil.